



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TERIMA INPUT DAN
MAKLUM BALAS DARIPADA 34 BUAH BADAN BUKAN KERAJAAN
(NGO) DAN AKTIVIS MENGENAI PEMBANGUNAN PELAN
PEMERKASAAN NGO PERPADUAN**

Kuala Lumpur, 21 April 2021 - YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique hari ini telah menerima pembentangan rumusan maklum balas dan input daripada 78 orang yang mewakili 36 buah Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan aktivis di dalam program libat urus anjuran bersama Kementerian Perpaduan Negara dan Yayasan Perpaduan Malaysia. Program libat urus ini adalah bagi mendapatkan input dan maklum balas dalam pembangunan Pelan Pemerkasaan NGO Perpaduan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN).

2. Program libat urus ini telah diselaraskan oleh YBhg Tan Sri Lee Lam Thye, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia dan juga selaku penyelaras Pelan Pemerkasaan NGO Perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara. Penglibatan NGO daripada pelbagai kluster ini adalah selari dengan Teras 3 berhubung Ekosistem Perpaduan di dalam Dasar Perpaduan Negara. Turut hadir di program hari ini adalah YBrs. Professor Dr Suresh Govind, Pengerusi Yayasan Perpaduan Negara, dan NGO termasuk Persatuan Anak Borneo Semenanjung, Gabungan Bertindak Malaysia, Yayasan Strategik Sosial, Persatuan Belia-Belia Malaysia, Yayasan Sukarelawan Siswa dan Pasukan Muhibbah Rakyat.

3. Sesi perbincangan telah dibahagikan mengikut lima (5) Teras Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang berasaskan cita-cita Rukun Negara dan diketuai oleh moderator seperti berikut:

Bil	Tajuk Teras	Moderator
1.	Membentuk Masyarakat Yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan	Puan Siti Suhaila Mohamad, Ahli Kehormat Yayasan Perpaduan Malaysia
2.	Memelihara sistem demokrasi Raja Berpelembagaan	Datuk Seri Azman Ujang, Ahli Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia
3.	Memperkasa Sosio-Ekonomi Yang Adil dan Saksama	Prof. Dato' Dr. Madeline Berma, Pesuruhjaya SUHAKAM
4.	Menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi budaya	Prof. Eddin Khoo Bu Eng
5.	Membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi	Encik Ramesh Pillai, Malaysia Association of Creativity and Innovation (MACRI)

4. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menekankan tentang kesaling hubungan antara pihak Kerajaan dan NGOs; antaranya sebagai *check and balance* bagi Kerajaan, *eyes and ears of rakyat* serta bagi mewujudkan ekosistem masyarakat sivil yang sihat dan matang. Menurut beliau lagi, Pelan Pemerkasaan NGO Perpaduan tersebut juga merupakan pengisian di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025 yang akan dilancarkan pada bulan Jun 2021 kelak.

5. Yayasan Perpaduan Malaysia merupakan rakan strategik perpaduan KPN yang dilantik melalui Memorandum Persefahaman yang ditandatangani pada 24 November 2020.

Kementerian Perpaduan Negara

21 April 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (64)